

TR 3:10:74

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI UNTUK SIARAN MELALUI RADIO/TV MALAYSIA PADA 16HB OKTOBER, 1974

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saudara-saudara kaum Muslimin sekalian.

Hari besok sekalian kita umat Islam menyambut Hari Raya Puasa. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu-wataala kerana dengan limpah kurniaNya kita bersama-sama dapat menyambut Aidilfitri yang mulia ini dalam suasana aman damai dan selamat sejahtera.

Setelah selesai menunaikan fardhu puasa selama sebulan, seluruh umat Islam di mana-mana jua mereka berada menyambut ketibaan Aidilfitri dengan penuh tawadduk mengucapkan takbir kepada Allah Yang Maha Kuasa. Bagi kita di Malaysia, Hari Raya tahun ini sangatlah besar maknanya iaitu berikutan dengan kemenangan Parti Barisan Nasional dalam pilihanraya yang baru lalu. Kita bukan saja berjaya menempuh ujian politik bahkan dengan izin Allah berjaya menempuh ujian rohani dan jasmani sepertimana yang dikehendaki oleh Ugama Islam.

Saya sukalah mengambil peluang ini mengucapkan terimakasih kepada rakyat sekalian yang telah memberi kepercayaan mereka kepada Parti Barisan Nasional dan memberikan saya mandat baru untuk memimpin negara. Saya yakin dan percaya dengan kerjasama dan sokongan semua pihak kita akan dapat membawa negara kita dan rakyatnya kepada tingkatan kemajuan yang lebih tinggi dan luas dalam semua bidang. Kerajaan menjunjung tinggi kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat dan akan melaksanakan hasrat dan cita-cita rakyat dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.

Tahun ini, dengan berkat kerjasama tiga negara iaitu Indonesia, Singapura dan kita sendiri, rakyat di ketiga-tiga negara ini menyambut Hari Raya serentak. Persefahaman yang dicapai itu amatlah menggalakkan dan menunjukkan betapa besar faedahnya jika diselaraskan pelaksanaan hukum-hukum Ugama Islam di antara negara-negara jiran untuk kebaikan bersama.

Saudara-saudara sekalian.

Saya turut bersyukur oleh kerana keadaan keselamatan di negara kita hari ini tidaklah begitu membimbangkan dan kita dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan perasaan lega dan suasana yang meriah. Dalam hubungan ini, kita amatlah terhutang budi kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan yang menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi. Kerajaan dan rakyat sangat menghargai khidmat bakti dan semangat kepahlawanan mereka.

Di saat kita bersukaria pada hari yang mulia ini, sudah sewajarnya kita mengenang jasa mereka itu, khasnya mereka yang telah gugur semasa mempertahankan kedaulatan negara. Marilah kita bersama-sama berdoa mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat-Nya ke atas roh mereka. Mudah-mudahan juga Allah teguhkan iman anak isteri dan keluarga mereka yang tinggal serta dimudahkan rezki agar mereka hidup dalam aman sentosa.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk meringankan kesulitan yang dihadapi oleh keluarga anggota Pasukan Keselamatan terutama di peringkat rendah supaya mereka dapat menumpukan sepenuh fikiran mereka kepada tugas dan kewajipan mereka sehari-hari.

Baru-baru ini saya telah mengarahkan Kementerian Pertahanan melaksanakan rancangan kilat membina rumah kediaman untuk anggota-anggota tentera di beberapa buah bandar besar di mana masalah perumahan semakin rumit. Kerajaan juga telah meluluskan pembinaan asrama-asrama untuk anak-anak anggota Pasukan Keselamatan di Alor Star, Ipoh, Johor Bahru dan Kuantan supaya persekolahan mereka tidak terganggu dengan pertukaran penjaga-penjaga mereka semasa menjalankan tugas, samada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak.

Saudara-saudara sekalian.

Meskipun keadaan inflasi masih berlaku, kita bersyukur dapat menyambut Hari Raya ini dalam keadaan yang sempurna. Ini adalah hasil daripada langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan agar orang ramai mendapat barang-barang keperluan untuk menyambut Hari Besar ini. Kerajaan akan terus mengawasi keadaan ini memandangkan bahawa ada beberapa perayaan lagi yang akan datang sehingga sampai ke Tahun Baru China kelak. Kerajaan akan mengambil tindakan yang wajar untuk menstabilkan harga barang-barang keperluan supaya meringankan bebanan

rakyat. Bagaimanapun, di pihak rakyat sendiri patutlah pula bercermat dan hanya berbelanja pada benda-benda yang mustahak sahaja sesuai dengan kehendak Nabi Besar Junjungan kita Muhammad s.a.w. agar kita sederhana dalam segala apa yang kita lakukan.

Dalam beberapa bulan ke hadapan ini, kita akan menyambut beberapa Hari Besar iaitu Deepavali, Hari Raya Haji, Christmas dan Tahun Baru China. Saya berharap pada hari-hari raya tersebut rakyat semua kaum mengikut kelaziman dan bersama-sama menyambutnya dengan ziarah menziarahi sahabat-handai mereka. Dengan demikian, tali muhibbah antara kaum akan dipereratkan lagi dan dengan rasa persefahaman ini kita dapat mengekalkan suasana harmoni dan memupuk perpaduan nasional demi kebahagiaan kita hari ini dan jenerasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang seringkah saya katakan, saya penuh yakin masa depan negara kita amatlah cerah sungguhpun hari ini kita terpaksa menghadapi beberapa masalah dan cabaran hidup yang mana kita sebagai sebuah negara yang merdeka tidaklah sunyi daripadanya. Keadaan ekonomi dunia antarabangsa turut melibatkan negara kita iaitu krisis minyak yang mengakibatkan "trade recession" dan juga kesan-kesan inflasi yang menyebabkan keadaan ekonomi bertambah merosot. Tak dapat tiada dalam masa satu dua tahun yang akan datang, kita akan menghadapi keadaan ekonomi yang agak genting.

Oleh yang demikian, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjamin iaitu akibat-akibat dari keadaan ini tidak memberi kesan yang buruk kepada negara kita. Kerajaan akan terus melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan terutama di bidang pertanian secara besar-besaran supaya dapat menambahkan pengeluaran barang-barang makanan dan juga barang-barang keperluan rakyat.

Saya berseru supaya rakyat jelata memberi kerjasama kepada Kerajaan dan berusaha mengadakan barang-barang makanan dan keperluan sendiri dengan seberapa yang boleh. Dengan berkeadaan begini, kita dapat menjamin agar ekonomi negara dan kedudukan rakyat mempunyai asas yang kukuh dan kuat dan, walau bagaimanapun keadaan ekonomi dunia, kita tidak akan terjejas.

Begitu juga, kita berharap hasil yang akan diperolehi daripada pengeluaran minyak di laut Sarawak, Sabah dan Pahang akan membuka peluang-peluang baru bagi negara dan rakyat dalam tempoh empat lima tahun yang akan datang. Ini tak dapat tiada akan memberi pertolongan besar bagi menguatkan lagi kedudukan ekonomi negara kita.

Begitu juga kita akan meneruskan pembangunan dalam lapangan perindustrian dan perladangan supaya menjamin peluang-peluang pekerjaan yang cukup bagi rakyat. Projek-projek besar seperti Pelabuhan Kuantan dan Limbungan Kapal Johor Baharu serta pembinaan rangkaian Lebuh raya Timur/Barat dan Kuantan/Segamat akan memesatkan lagi pembangunan negara kita. Semua ini akan memberi nikmat kepada rakyat daripada semua lapisan dan meningkatkan pembangunan dan kemajuan negara. Saya harap semua pihak akan memberi kerjasama kepada Kerajaan untuk melaksanakan mandat yang besar yang telah diberi oleh rakyat iaitu untuk membina masyarakat adil di negara kita dan menguatkan perpaduan di kalangan rakyat daripada semua bangsa.

Saya suka memberi jaminan bahawa Kerajaan akan bersifat adil kepada semua pihak tetapi Kerajaan adalah bertanggungjawab menjalankan tugasnya bagi kepentingan semua rakyat.

Baru-baru ini dalam masalah pelaksanaan syor-syor kenaikan gaji Suruhanjaya Harun, ada didapati riak-riak daripada pihak pekerja hendak mendesak Kerajaan dengan cara kekerasan. Saya harap pihak pekerja sedar bahawa Kerajaan akan sentiasa bersifat adil dan tuntutan-tuntutan mereka yang munasabah akan dipertimbangkan kerana adalah menjadi dasar Kerajaan sentiasa menjaga dan mengawasi keadaan pekerja-pekerja di peringkat buruh dan yang berpendapatan rendah. Akan tetapi Kerajaan tidak akan membenarkan mana-mana pihak mengugut Kerajaan ataupun cuba hendak menimbulkan huru-hara dan kacau-bilau di negara kita. Mana-mana pihak yang cuba hendak berbuat demikian selepas Kerajaan bersifat adil, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya bagi kepentingan rakyat dan negara. Oleh itu, saya berseru kepada pekerja-pekerja dan kakitangan Kerajaan supaya jangan dipengaruhi oleh pihak-pihak yang suka hendak menghasut untuk menimbulkan kacau-bilau kerana Kerajaan sentiasa bersimpati dan bersifat adil terhadap pekerja-pekerja sekalian.

Kerajaan yang saya pimpin hari ini, yang mempunyai mandat yang besar dari rakyat, akan menjalankan tanggungjawabnya dengan jujur dan dedikasi dan Kerajaan tidak membenarkan mana-mana pihak yang hendak menghalang Kerajaan daripada menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama.

Saudara-saudara sekalian.

Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha dalam lapangan antara-bangsa untuk menguatkan perhubungan dan tali persahabatan dengan semua negara-negara yang suka hendak bersahabat dan bekerjasama dengan kita. Kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana baru-baru ini Bank Pembangunan Islam telah dapat ditubuhkan dan kita berharap dapat menguatkan perhubungan ekonomi dengan negara-negara Islam yang lain untuk kepentingan bersama. Begitu juga kita berharap dengan perhubungan yang lebih erat antara kita dengan negara-negara Islam, kita akan dapat meluaskan lagi bidang perdagangan dengan negara-negara tersebut dan kita berharap akan dapat menarik lebih banyak modal dari negara-negara itu untuk dilaburkan di Malaysia bagi kebajikan dan kepentingan bersama.

Saudara-saudara sekalian.

Saya seringkali mengingatkan bahawa amatlah perlu bagi kita mewujudkan rasa keyakinan dan kepercayaan negara-negara dunia kepada kita dengan mengekalkan kesetabilan politik dan ekonomi serta perpaduan rakyat di negara kita. Kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum yang lalu menunjukkan betapa besarnya harapan rakyat dan saya berjanji Kerajaan hari ini akan berkhidmat kepada rakyat dengan penuh jujur dan dedikasi. Jentera Kerajaan di setiap peringkat daripada Pusat hinggalah ke Negeri dan Daerah akan benar-benar mencerminkan hasrat Kerajaan ini. Dengan Kerajaan yang cekap, adil dan saksama, dan dengan perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat, negara kita akan menghadapi zaman baru dan rakyat akan menikmati kemakmuran dan kebahagiaan di tahun-tahun akan datang.

Akhir kata, saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada saudara-saudara yang telah menghantar kad Selamat Hari Raya kepada saya sempena Hari Raya Aidilfitri yang mulia ini. Marilah kita menguatkan tekad dan azam untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam semua bidang kehidupan untuk mencapai hasrat

dan cita-cita negara aman, makmur dan bahagia. Mudah-mudahan Allah s.w.t. akan memberkati segala usaha kita dan memberi perlindunganNya kepada kita setiap masa.

Selamat Hari Raya